

Pendaftaran Semula Kad SIM Prabayar Telefon Bimbit



Soalan-soalan Lazim

1. Mengapakah kad SIM telefon bimbit perlu dikawalselia?

Rekod pengguna yang tepat dan terkini adalah penting dalam usaha berterusan pihak-pihak penguatkuasa undang-undang bagi mencegah penyalahgunaan pendaftaran kad SIM yang boleh digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, penipuan dan penyebaran berita palsu dalam talian.

Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) bekerjasama dengan Unified National Networks Sdn Bhd (UNN), dan Penyedia-penyedia Perkhidmatan Telefon Bimbit iaitu Datastream Digital Sdn Bhd (DST), Imagine Sdn Bhd (Imagine) dan Progresif Sdn Bhd (Progresif), untuk mewujudkan rejim kawalseliaan yang praktikal bagi pendaftaran kad SIM prabayar telefon bimbit.

2. Adakah Negara Brunei Darussalam sahaja yang menjalankan perkara ini?

Tidak. Beberapa negara lain termasuk Australia, Singapore, Thailand, Malaysia dan Switzerland juga telah memandatkan pendaftaran kad SIM prabayar telefon bimbit.

3. Bilakah pendaftaran semula ini akan dijalankan?

Pendaftaran semula kad SIM prabayar ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut giliran yang akan ditentukan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan mulai 2 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025.

4. **Siapakah yang diperlukan untuk mendaftar semula?**

Bagi pelanggan DST, pengguna-pengguna telefon bimbit prabayar yang telah melanggan atau mendaftar sebelum **1 November 2024** adalah dikehendaki untuk menjalani proses pendaftaran semula dengan DST.

Bagi pelanggan Progresif Sdn Bhd (Progresif) dan Imagine Sdn Bhd (Imagine), semua pengguna-pengguna telefon bimbit prabayar yang telah melanggan atau mendaftar sebelum **2 Januari 2025** adalah dikehendaki untuk menjalani proses pendaftaran semula dengan penyedia perkhidmatan tersebut.

5. **Adakah pengguna kad SIM pasca bayar telefon bimbit akan turut terlibat dalam pendaftaran semula ini?**

Tidak. Pengguna kad SIM pasca bayar sudah terikat dengan kontrak perkhidmatan masing-masing dengan rekod langganan yang terkini.

6. Bagaimanakah penyedia perkhidmatan memaklumkan saya mengenai tempoh masa untuk pendaftaran semula?


Penyedia perkhidmatan awda akan memaklumkan mengenai tempoh pendaftaran semula yang ditetapkan, melalui SMS. Pelanggan kad SIM prabayar adalah disarankan untuk melengkapkan pendaftaran mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan tidak terjejas dan juga untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Sila ambil perhatian bahawa penyedia perkhidmatan awda tidak akan menghubungi mengenai pendaftaran semula melalui panggilan telefon atau mana-mana platform pesanan seperti WhatsApp atau Telegram. Orang ramai adalah dinasihati untuk berwaspada ke atas sebarang kemungkinan ‘scammers’ menyamar sebagai penyedia perkhidmatan untuk mendapatkan data peribadi awda.

7. Dapatkah kad SIM prabayar telefon bimbit saya digunakan sekiranya saya masih belum mendaftarkan semula pada masa yang ditetapkan?

Tidak. Semua kad SIM prabayar telefon bimbit yang tidak didaftarkan semula semasa tempoh 90 hari yang ditetapkan akan dinyahaktifkan.

Tempoh lanjutan selama 30 hari akan diberikan mulai hari ke-61, di mana semua perkhidmatan yang berbayar (iaitu panggilan dan SMS, data internet dan perkhidmatan tambah nilai) akan digantung. Contoh adalah seperti berikut:-



- 8. Sekiranya saya mempunyai lebih dari satu kad SIM prabayar telefon bimbit, adakah saya perlu mendaftarkan semula kesemua kad SIM tersebut?**

Ya. Setiap kad SIM prabayar telefon bimbit adalah dikehendaki untuk didaftarkan semula.

- 9. Saya adalah salah seorang pelanggan kad SIM prabayar telefon bimbit yang dimestikan mendaftar semula. Bolehkah saya mendaftar semula sebelum giliran atau tempoh masa yang ditetapkan untuk saya?**

Ya. Awda boleh memilih untuk mendaftarkan semula sebelum giliran awda mulai 2 Januari 2025. Sila hubungi penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda untuk pendaftaran semula.

- 10. Adakah saya perlu membuat pembayaran untuk pendaftaran semula?**

Tidak ada bayaran dikenakan untuk pendaftaran semula.

11. Dimanakah pendaftaran semula ini akan dijalankan?

Proses pendaftaran semula ini boleh dijalankan secara fizikal ke cawangan-cawangan penyedia perkhidmatan masing-masing atau ke tempat-tempat awam yang akan ditentukan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan. Sebagai tambahan:

- Bagi pelanggan-pelanggan DST: proses pendaftaran semula ini boleh dijalankan sepenuhnya melalui platform dalam talian, yang disediakan oleh DST.
- Bagi pelanggan-pelanggan Progresif dan Imagine: langkah awal proses pendaftaran semula ini boleh juga dijalankan melalui platform dalam talian yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan masing-masing. Bagi melengkapkan proses pendaftaran semula, pelanggan-pelanggan Progresif dan Imagine masih perlu menghadirkan diri untuk pengesahan secara fizikal di cawangan-cawangan penyedia perkhidmatan berkenaan.

Kaedah	DST	Progresif	Imagine
Kaedah 1 Pendaftaran semula sepenuhnya secara fizikal	✓	✓	✓
Kaedah 2 Pendaftaran semula sepenuhnya melalui platform dalam talian	✓	X	X
Kaedah 3 Hibrid: Dimulakan melalui platform dalam talian dan mesti dilengkapkan secara fizikal	X	✓	✓

Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda bagi maklumat lanjut mengenai proses masing-masing.

12. Saya pada masa ini berada di luar negeri dan akan terlepas giliran saya untuk mendaftar semula. Apakah yang patut saya lakukan?

Sekiranya awda pelanggan DST, awda bolehlah mendaftar semula sepenuhnya melalui platform online atau elektronik yang disediakan oleh DST.

Sekiranya awda adalah pelanggan Progresif atau Imagine, awda bolehlah memulakan proses pendaftaran semula melalui platform online atau elektronik yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda.

Seterusnya, awda boleh melantik seorang wakil untuk melengkapkan proses pengesahan secara fizikal bagi pihak awda di cawangan-cawangan penyedia perkhidmatan masing-masing atau di tempat-tempat awam yang ditentukan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan. Dokumen-dokumen sokongan hendaklah disediakan termasuk surat wakil/kebenaran beserta dengan membawa kad pintar asal wakil berkenaan dan salinan kad pintar awda selaku pengguna yang berdaftar.

Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda bagi maklumat lanjut proses masing-masing.

13. Bagaimanakah saya mengaktifkan semula kad SIM yang telah dinyahaktif kerana tidak mendaftar semula?

Proses nyahaktif yang dijalankan ini adalah bersifat kekal. Sebarang pengaktifan semula kad SIM pra bayar yang tidak didaftarkan semula akan dianggap sebagai pendaftaran baharu, di mana bayaran mungkin akan dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telefon bimbit berkenaan.

Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda bagi maklumat lanjut mengenai proses masing-masing.

14. **Apakah dokumen pengenalan yang perlu disediakan untuk pendaftaran semula?**

Dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran:

Bagi Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap

- Kad pengenalan berwarna kuning yang asal dan masih sah; atau
- Kad pengenalan ABDB atau Polis yang asal dan masih sah; atau
- Kad pengenalan berwarna ungu yang asal dan sah untuk Penduduk Tetap

Bagi Warga Asing

- Kad pengenalan berwarna hijau yang asal dan masih sah; atau
- Paspot atau pas kerja asal dan masih sah.

Bagi Syarikat – Syarikat Tempatan

- Surat kebenaran dari pemilik Syarikat.
- Syarikat berdaftar: Borang X dan *Notice of Situation of Registered Office*
- Pemilik Tunggal ataupun Perkongsian : Sijil Pendaftaran 16/17

15. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya kehilangan kad pengenalan saya semasa tempoh pendaftaran semula?

Kad Pengenalan yang hilang atau dicuri hendaklah dilaporkan segera kepada pihak Polis. Pengguna hendaklah mendapatkan penggantian kad pengenalan sebelum mendaftar semula.

Seterusnya, pengguna hendaklah memaklumkan penyedia perkhidmatan masing-masing dengan menunjukkan dokumen sokongan seperti laporan polis atau resit penggantian kad pengenalan. Paspot tidak dapat digunakan sebagai ganti dokumen pengenalan.

16. Bolehkah saya menggunakan dokumen salinan/ fotokopi?

Tidak, hanya dokumen asal yang diterima.

17. Bolehkah kanak-kanak di bawah 12 tahun mendaftar semula kad SIM mereka sendiri?

Tidak. Pendaftaran semula untuk pengguna di bawah umur 12 tahun hendaklah dibuat di bawah nama ibu bapa atau penjaga mereka.

Pengguna berkenaan hanya akan dapat mendaftar semula di bawah nama sendiri sekiranya sudah mempunyai kad pengenalan sendiri dan perkara ini perlu dikemaskini kepada penyedia perkhidmatan.

18. Di antara tempoh 2 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025, bolehkah saya menambah nilai kad SIM saya walaupun saya belum mendaftar semula?

Ya, awda boleh terus menggunakan dan menambah nilai kad SIM prabayar awda sehingga tempoh penggantungan (iaitu, selepas 60 hari kerana gagal mendaftar semula) bagi kumpulan atau tempoh yang ditetapkan.

19. Apa yang perlu saya lakukan jika saya merancang untuk menjual atau memberikan kad SIM saya?

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak menyerahkan, meminjamkan, menyewakan, atau menjual kad SIM telefon bimbit mereka kepada orang lain untuk mengelakkan penyalahgunaan kad SIM berkenaan.

Seterusnya bagi penukaran hak milik kad SIM, orang ramai adalah disarankan untuk mendaftarkan semula kad SIM dengan penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang berkenaan. Bagi tujuan ini, kedua-dua pengguna asal dan baharu hendaklah datang ke cawangan penyedia perkhidmatan telefon bimbit masing-masing untuk menjalani proses pendaftaran semula dan pendaftaran akaun baharu.

Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda bagi maklumat lanjut.

20. Apa yang perlu dilakukan jika seseorang menggunakan nama saya secara penipuan untuk membeli kad SIM prabayar?

Jika seseorang mendapati bahawa butiran mereka telah digunakan tanpa kebenaran, sila laporkan kepada pihak Polis dengan segera untuk siasatan lanjut.

21. Adakah tersedia talian bantuan atau perkhidmatan sokongan pelanggan bagi bantuan mengenai proses pendaftaran semula?

Penjaga boleh mendaftarkan semula kad SIM prabayar bagi pihak mereka dengan membawa surat kebenaran dan semua dokumen pengenalan yang diperlukan.

Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit awda bagi maklumat lanjut proses masing-masing.

22. Adakah terdapat talian bantuan atau sokongan pelanggan untuk bantuan dengan pendaftaran semula?

Awda boleh menghubungi penyedia perkhidmatan telefon bimbit anda melalui talian bantuan mereka.

Penyedia Perkhidmatan	Hotline
DST	151
Imagine	111
Progresif	177